

22 APR 1999

KAJIAN-GAMBARAN MENYELURUH

KEHIDUPAN RAKYAT M'SIA TERUS SELESA WALAUPUN SASARAN DIKAJI SEMULA

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Rakyat Malaysia akan terus menikmati taraf hidup yang selesa sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dari 1996 hingga 2000 walaupun sasaran purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dikaji semula kepada 3.0 peratus daripada 8.0 peratus sebelum ini berikutan kelembapan ekonomi serantau.

Langkah-langkah untuk mengatasi masalah kewangan membantu negara mengekalkan pertumbuhan dan meneruskan usaha untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Walaupun sasaran-sasaran telah dikaji semula, dengan pertumbuhan 3.0 peratus merupakan paras paling rendah dalam sebarangan rancangan tujuh tahun negara, kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh berkata berita gembira adalah petanda-petanda pemulihan ekonomi kini semakin jelas selepas negara mengalami kemelesetan dengan ekonomi menguncup 6.7 peratus tahun lepas.

Pemulihan ekonomi yang diramalkan meningkat satu peratus tahun ini akan bertambah cergas sehingga mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus pada tahun 2000, yang akan membantu usaha-usaha untuk mengurangkan tahap kemiskinan sebanyak 5.5 peratus menjelang akhir abad ini.

"Tumpuan kajian separuh penggal ini adalah untuk menyegerakan proses pemulihan dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang stabil dan berterusan," kata Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dalam laporan kajian separuh penggal yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam usahanya itu, kerajaan akan meningkat penekanan terhadap penyediaan kemudahan infrastruktur sosial dalam pendidikan dan latihan, perumahan, kesihatan, belia, wanita, keluarga dan pembangunan masyarakat.

Matlamat akhir adalah untuk memastikan kemakmuran yang berterusan dan peningkatan mutu bagi penduduk, yang dijangka meningkat daripada 20.95 juta pada 195 kepada 22.23 juta pada 1998.

Mencerminkan iltizam itu, kajian tersebut berkata bahawa keseluruhan peruntukan pembangunan kerajaan pusat dikaji semula daripada jumlah asal sebanyak RM67,500 juta kepada RM89,500 juta bagi tempoh kajian semula lima tahun itu.

Bagi tempoh 1996-1998, kerajaan membelanjakan kira-kira RM48,481 juta dan ia memerlukan sekitar RM41,019 juta bagi baki tempoh rancangan itu.

Pendapatan kerajaan persekutuan dijangka meningkatkan secara sederhana sebanyak 4.3 peratus setahun kepada RM62,906 juta pada tahun 2000 berikutan peningkatan dalam kutipan cukai tidak langsung dan pendapatan bukan cukai.

Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita dijangka pada paras RM12,421 pada tahun 2000, iaitu lebih rendah RM14,788 yang disasarkan dalam rancangan itu.

Diukur dengan pariti kuasa belian (PPP), pendapatan per kapita dijangka turut meningkat daripada AS\$6,460 pada 1998 kepada AS\$6,837 pada tahun 2000.

Faktor penting bagi pemulihan adalah betapa segera dan keutamaan yang diberikan dalam melaksanakan langkah-langkah untuk mengembalikan keyakinan pelabur dan orang awam. Bagaimanapun, kajian itu memberikan amaran supaya mengawasi perkembangan luaran.

Selain ini, "meningkatkan jumlah pelaburan swasta amat penting untuk mencapai pemulihan dengan pertumbuhan yang kekal," kata kajian itu.

Tambahnya, simpanan dalam negara yang tinggi pada kadar 14 peratus

daripada KNK serta pinjaman asing yang diperolehi melalui bon dapat membiayai langkah-langkah pemulihan.

Perkilangan akan kekal sebagai sektor utama dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 3.4 peratus pada 1999-2000, menyumbang 34.5 peratus kepada KNK dan 27.2 peratus kepada peluang-peluang pekerjaan.

Pengeluaran sektor pertanian dijangka meningkat sebanyak 5.2 peratus setahun berbanding dengan sasaran rancangan sebanyak 2.4 peratus setahun. Ini disebabkan harga-harga yang lebih baik, pemulihan dalam sektor kecil kelapa sawit, pengembangan kawasan tanaman kelapa sawit yang produktif dan pengukuhan sektor kecil makanan.

Industri berorientasikan domestik, terutamanya bahan-bahan berkaitan pembinaan, penapisan minyak mentah dan industri kimia, dijangka mencatatkan pemulihan yang kukuh manakala industri berorientasikan eksport, terutamanya elektrik dan elektronik, akan mencatatkan pemulihan berperingkat-peringkat sejajar dengan pemulihan dalam permintaan global.

Segala usaha akan dilakukan untuk membangunkan sektor teknologi maklumat dalam langkah Malaysia untuk menyemai industri berasaskan ilmu, yang mana peruntukan untuk program dan projek berkaitan teknologi maklumat dikaji semula kepada RM4,010.5 juta daripada jumlah asal RM2,013.1 juta.

Menurut kajian itu, pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas, yang menjadi pra-syarat penting bagi pertumbuhan ekonomi, kini memainkan peranan tambahan untuk memulih dan merangsang pertumbuhan ekonomi.

Sebagai contoh, infrastruktur dan kemudahan asas yang merangkumi pengangkutan, kemudahan simpanan dan komunikasi, elektrik, gas dan air, menyumbang RM15,850 juta atau 12.1 peratus kepada KDNK pada 1998, meningkat satu peratus daripada RM13,264 juta pada 1995.

Berdasarkan kepentingan kemudahan-kemudahan, kerajaan mengkaji semula peruntukan kepada RM24,003.1 juta untuk melaksanakan projek infrastruktur dan kemudahan asas bagi mencergaskan semula ekonomi berbanding dengan jumlah asal RM18,542.2 juta.

Sebahagian besar iaitu RM19,266.9 juta atau 80.3 peratus daripada peruntukan yang dikaji semula itu disalurkan kepada sektor pengangkutan.

Untuk memulih dan merangsang pertumbuhan ekonomi, pelaksanaan projek infrastruktur akan disegerakan dengan projek-projek yang mempunyai memberikan manfaat sampingan yang tinggi seperti penggunaan kandungan tempatan diberikan keutamaan.

Keadaan pekerjaan juga dijangka bertambah baik dalam baki tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dengan mencatatkan pertumbuhan 1.9 peratus apabila 332,900 peluang pekerjaan baru diwujudkan. Pengangguran pula dijangka pada kadar 3.5 peratus pada tahun 2000, yang tetapi dianggap sebagai keadaan pekerjaan penuh.

Pendidikan akan terus diberikan penekanan dengan peruntukan pembangunan pendidikan dan latihan ditambah kepada RM15,810.9 juta.

Menurut kajian itu, penyelarasan akan terus dibuat untuk melahirkan Masyarakat Perniagaan dan Industri Bumiputera (BCIC), terutamanya di Lembah Klang dan meningkatkan penyertaan usahawan kecil dan sederhana Bumiputera.

Mengenai pelancongan yang merupakan penyumbang pendapatan yang utama, kajian itu berkata bahawa sasaran ketibaan pelancongan dikaji semula kepada 6.5 juta pada tahun 2000.

Namun begitu, usaha ditingkatkan untuk menambah pendapatan daripada pelancongan sehingga mencapai sasaran RM12.2 bilion pada tahun 2000.

-- BERNAMA

MR MFJ